

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

(Sila semak semasa dilafazkan)

PEN.9/76/ 59 (PM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum  
pukul 9.00 malam, 11hb September, 1976

PERDANA MENTERI RESMI MUSABAQAH  
MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, di upacara pembukaan Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan yang ke 18 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 11hb September, 1976 pukul 8.30 malam :

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang maha pemurah lagi maha pengasih, yang telah menganugerahkan Kitab Suci Al-Quran bagi petunjuk dan pedoman kepada orang-orang yang beriman, menuju ke jalan kebahagiaan dan keredaan Allah. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah diutuskan Allah untuk memimpin umat manusia dengan Nur dan Cahaya Islam; seterusnya selawat dan salam juga kepada sekelian keluarga dan sahabat-sahabatnya.

Marilah kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan rahmatNya telah mengizinkan kita dapat bersama-sama menunaikan Fardhu Ramadhan tahun ini. Sesungguhnya pada bulan yang mulia ini dan pada malam yang bertuah ini, 14 abad yang lampau, Allah telah menurunkan ayat pertama Kitab Suci Al-Quran.

Saya amat bersyukur kepada Allah s.a.w. kerana pada malam yang bersejarah ini saya diberi penghormatan meresmikan Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan yang ke 18. Saya berasa terharu kerana pada tahun-tahun yang lalu Musabaqah ini telah diresmikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak yang sekarang ini tidak dapat bersama-sama kita menyambut majlis yang mulia ini. Oleh itu marilah kita berdoa ke hadrat Allah semoga rohnya dicucuri rahmat dan dimasukkan ke dalam gulungan para shuhada' dan salihin. Amin yarabbul'alam.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan penghargaan kepada ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah, khasnya Tan Sri Syed Nasir Ismail, atas usaha dan dedikasi mereka menjayakan majlis yang permai dan indah ini. Demikianlah juga penghargaan saya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama dan sokongan mereka dan seterusnya kepada sekelian yang telah menyumbangkan tenaga terhadap kejayaan Musabaqah ini. Semangat tinggi dan perasaan penuh tanggungjawab yang ditunjukkan oleh semua pihak untuk memeriahkan lagi majlis Musabaqah serta meninggikan syiar Islam dalam bulan yang berbahagia ini, sesungguhnya menjadikan satu galakan dan perangsang kepada orang-orang yang akan mewarisi tugas dan kewajipan ini kelak.

Bagi saya majlis Musabaqah Membaca Al-Quran ini mengandungi erti yang amat besar dan tujuan yang maha tinggi bagi mencapai cita-cita dan keagungan Islam sebagai ugama resmi negara kita.

(tambahan)

Musabaqah ertinya pertandingan dan pertandingan yang kita adakan ini ialah pertandingan membaca Al-Quran dengan tujuan supaya dapat dihidupkan semangat cinta dan kasih kepada Al-Quran. Melalui pembacaan Al-Quran ini kita dapat mengcungkil bakat-bakat Qari dan Qariah yang lebih bermutu dan bernilai sehingga bacaannya itu dapat menarik pendengar dan hati umat manusia kepada Al-Quran. Kita sekalian mengetahui bahawa membaca Al-Quran sahaja dengan tidak memahami tujuan dan maksudnya tidak akan mendatangkan apa-apa kesan. Tetapi membaca kitab suci Al-Quran ini sahaja boleh dikatakan suatu amal ibadat kebajikan yang diberi pahala oleh Allah. Sekalipun kita tidak dapat memahami dengan dalamnya erti ayat yang kita baca itu, tetapi jika kita dapat membaca Al-Quran itu dengan betul mengikut muhrij dan tajwidnya maka pahala dan faedahnya adalah lebih besar lagi.

Kita telah mengadakan majlis Musabaqah yang mulia ini selama 18 tahun. Dari tahun ke setahun mutu bacaan Qari dan Qariah kita telah meningkat tinggi. Musabaqah peringkat Kebangsaan ini bermula daripada peringkat daerah kepada peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat antarabangsa. Gulungan-gulungan yang lain juga telah tertarik dengan Musabaqah ini seperti Persatuan-persatuan Belia, murid-murid sekolah, Pasukan Polis, Angkatan Tentera, Jabatan-jabatan Kerajaan, Pusat-pusat Pengajian Tinggi dan badan-badan swasta yang lain telah mengadakan Musabaqah mereka di tempat masing-masing pula. Ini menunjukkan bahawa Musabaqah yang dianjurkan oleh Kerajaan 18 tahun yang lalu itu telah memberi kesan yang sangat luas ke dalam masyarakat umat Islam seluruhnya, sehingga dapat melahirkan tokoh-tokoh Qari dan Qariah dari gulungan masing-masing.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran dan berharap semoga umat Islam akan dapat mendekatkan diri mereka lebih hampir kepada Al-Quran sebagai kitab penyelamat umat manusia.

Adalah menjadi tujuan kita yang sangat tinggi supaya pendekatan kepada Al-Quran itu akan menjadi lebih sempurna dengan mempelajari isi kandungan Al-Quran itu. Satu perkara yang wajib kita kekalkan ialah amalan mempelajari Al-Quran pada tiap-tiap rumah oleh anak-anak kita, seperti yang dilakukan oleh orang-orang tua kita dahulu. Amalan mempelajari Al-Quran yang bermula dari rumah itu adalah suatu amalan yang perlu dihidup dan dikekalkan kerana dari rumahlah berpuncunya pendidikan dan pelajaran yang sangat berkesan.

Marilah kita kembali kepada sejarah lahirnya Quran hampir 14 abad yang lalu, sewaktu Nabi Besar Muhammad s.a.w. sedang berada di Gua Hera' di atas puncak Jabal Nur, mengharapkan hidayah dan pertolongan dari Allah untuk melepaskan umat dan bangsanya yang sedang diselubungi oleh alam kejahatan, keganasan dan penindasan yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah. Dalam saat-saat yang cemas seperti itulah beliau telah dikejutkan oleh Jibril dengan membawa ayat Iqra' kepada beliau. Sekalipun Jibril tahu bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bukan seorang yang pandai membaca dan pandai menulis, tetapi ayat yang dibawa oleh Jibril kepadanya ialah dengan suruhan Allah.

Saudara-saudara telah dapat mengikuti satu babak di dalam pentomen yang telah kita saksikan sebentar tadi bahawa ayat Iqra' itulah yang telah mengetuk pintu hati kejahilan manusia supaya sedar. Surah Iqra' itu juga telah membuka rahsia kejadian alam dan kejadian manusia serta menarik manusia kepada mengenal dirinya dan mengenal Tuhannya yang telah menjadikannya.

Pada malam ini kita hendaklah menghidupkan semula semangat Iqra' ini di kalangan masyarakat kita yang masih meraba-raba di dalam keadaan yang terang, mencari jalan bagi mengatasi masaalah-masaalah sosial dan ekonomi mereka dalam keadaan yang penuh dengan perlumbaan dan persaingan.



# siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN.9/76/ 59 (PM)  
(hubungan 3)

Umat yang lari dari semangat Iqra' akan menjadi umat yang mudah dipesungkan oleh gulungan-gulungan lain. Umat yang tidak terhunjam di dalam jiwanya semangat Iqra' tidak akan dapat merempuh batas-batas kejahilan, meruntuhkan benteng-benteng kegelapan menuju jalan pendataran bagi mencapai masyarakat yang progresif dan dinamis.

Hampir 14 abad yang silam, semangat Iqra' inilah yang telah membakar jiwa umat Islam. Sekalipun pada permulaannya jumlahnya sangat kecil tetapi akhirnya obor yang dihidupkan dengan semangat Iqra' yang dipimpin oleh Nabi Besar Muhammad s.a.w. itu, bukan sahaja telah dapat menyelematkan bangsanya dari kejahilan, tetapi dengan semangat inilah umat Islam telah sanggup menyeberangi Padang Pasir Sahara, menuju ke Benua Afrika. Semangat Iqra' telah berjaya menyeberangi Laut Mediterranean, terus ke Sepanyol menegakkan Kelimat Tauhid di Eropah. Semangat Iqra' telah menyedarkan bangsa Eropah yang berada dalam kejahilan.

Dari puncak Jabal Nur itu jugalah semangat Iqra' ini menyeberangi Selat Arab, mendaki gunung melintasi Padang Pasir yang luas menegakkan Kelimat Shahadah dan tamaddun manusia di timur, melintasi Benua India, menyisir pantai Telok Benggala, masuk ke perairan Selat Melaka dan ke Nusantara, menegakkan negara Islam serta memanggil umat Islam ke jalan tauhid dan yang benar.

Islam telah tegak tujuh abad lamanya. Umat Islam merupakan umat yang progresif. Umat yang telah meneroka ilmu pengetahuan, yang telah melahirkan ulama-ulama sains, teknologi, perundangan, falsafah, kedokteran, kejuruteraan, ketenteraan, perdagangan dan perusahaan, pelayaran, perhubungan dan sebagainya. Mereka adalah ulama-ulama Islam yang progresif bukan hanya ulama-ulama yang terhad di dalam bidang ibadah semata-mata.

Sekularisma (secularism) dilahirkan oleh masyarakat Islam sendiri di zaman keagungannya. Sekularisma adalah kepunyaan umat Islam dalam melahirkan masyarakat dan negara yang lebih moden, penuh dengan peradaban dan kesusilaan yang dijiwai oleh semangat tauhid dan semangat ukhuwah dalam Islam itu.

Saya suka bawa saudara-saudara kepada kenangan sejarah ini supaya setiap umat Islam menyedari dengan sesungguhnya, bahawa agama yang dianutinya sekarang ini, bukanlah satu agama yang hanya untuk ibadah semata-mata. Islam bukanlah suatu agama yang memisahkan kepentingan hidup di dunia ini dengan kepentingan di akhirat. Ia bukanlah suatu agama yang menganggap sekularisma kepunyaan orang lain, yang memisahkan antara peradaban duniawi dengan jiwa keimanan. Tetapi kedua-duanya adalah hidup bersama di dalam suatu tubuh yang dinamakan mukmin dan muslim, di dalam suatu negara di mana kepentingan dunia dan kepentingan akhirat dirangkum bersama-sama bagi mencapai matlamat hidup yang bahagia di dunia seperti yang pernah di doakan oleh umat Islam sendiri setiap hari :

"Rabbana Atina Fiddunya Hassanah, Wafil Akhirati Hasanah,  
Waqina Azaban Nar"

Ertinya :

"Tuhan kami, berilah kepada kami kebahagiaan hidup di dunia ini dan juga kebahagiaan hidup di akhirat dan jauhkanlah kami dari seksa api mereka"

(tambahan)

Dengan doa ini sahaja, dapatlah kita mengambil pengajaran bahawa Islam bukanlah suatu agama yang konservatif (conservative). Ia bukanlah suatu agama yang menyeret umatnya ke dalam masyarakat yang gelap. Ia bukanlah agama yang membenci dunia kerana akhiratnya atau membenci akhirat kerana dunianya. Rasullullah s.a.w. bersabda, "Tidaklah baik bagi sesiapa juga, yang meninggalkan dunianya kerana menumpukan akhirat semata-mata, atau meninggalkan akhiratnya kerana mencapai dunianya semata-mata, tetapi, manusia yang baik ialah orang-orang yang mengambil dunianya dan akhiratnya bersama-sama dalam hidupnya."

Ketika kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini dan sedang berusaha bagi melahirkan suatu masyarakat yang progresif, adil dan bersatu padu, setiap umat Islam hendaklah memainkan peranan mereka masing-masing bagi mencapai matlamat yang diharap-harapkan itu. Setiap umat Islam mestilah menanyakan dirinya sendiri apakah yang akan dapat diperolehinya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini? Setiap umat Islam mestilah berusaha dengan lebih serious lagi bagi merebut peluang-peluang yang terdapat di bawah Rancangan Raksaksa ini yang boleh menguntungkan masyarakat Islam seluruhnya.

Saya percaya sekiranya umat Islam mempunyai semangat Iqra' di dalam jiwanya, semangat mahu tahu, semangat mahu berlumba-lumba, semangat mahu mencapai kebahagiaan dunia dan akhiratnya, maka masyarakat Islam tidak akan ditinggalkan oleh zaman. Tetapi sebaliknya, kalau semangat Iqra' ini telah padam, kalau semangat perlumbaan ini telah mati, kalau semangat perlawanan ini telah pudar dan sikap umat Islam adalah sikap yang negatif, sikap menjauhkan diri ke dalam gua-gua yang gelap, maka saya bimbang masyarakat Islam tidak akan dapat dibangunkan walaupun sampai kepada Rancangan Malaysia yang ke 10 sekalipun. Kerana itu saya teringat kepada ayat Quran yang diturun sesudah Iqra' yang bererti :


"Wahai orang yang sedang berselimut, bangunlah dan berikanlah peringatan dan besarkanlah Tuhanmu, serta bersihkanlah pakaianmu dan hindarkanlah dirimu dari perkara-perkara yang kotor"

Surah Muddasir - ayat 1-5.

Ayat inilah yang telah mengejutkan Nabi Muhammad supaya bangun dan berjuang bagi mencapai cita-citanya sehingga menjadi kaumnya umat yang disegani dan dihormati, menjadi kaumnya peneroka alam bagi mencapai ilmu pengetahuan selama 7 abad, mengembang dan meninggikan syiar Islam, di dunia ini.

Dari itu, marilah kita hidupkan semula semangat ini. Saya menyeru saudara-saudara kita yang sedang bertafakkur menunggu takdir atau yang menyisihkan diri daripada dunia supaya bangun menyatukan tenaga dan fikiran, merapatkan barisan, menghindar perpecahan dan persengketaan, mengenyepikan khurafat dan bidaah, kembali menjadi suatu umat yang bersatupadu "umatan wasatan", umat yang gagah, yang tegak di atas kakinya sendiri, yang sanggup mendaki gunung dan mengharungi lautan bagi mencapai kejayaan hidup sebagai umat Islam, yang progresif dan maju seperti di zaman keagungannya.

Bagi mencapai cita-cita hidup sebagai umat Islam yang progresif dan maju sejajar dengan ajaran Islam, kita haruslah sanggup menghadapi sebarang cabaran dan rintangan, seperti yang pernah dilalui oleh Rasullullah sendiri.



# siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN.9/76/ 59 (PM)  
(hubungan 5)

Ancaman yang ada di hadapan kita sekarang ini ialah ancaman dari musuh negara yang berterang-terang menggunakan kekerasan senjata dan tipu helah bagi menghalang tercapainya cita-cita suci negara dan rakyat untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga sekarang ini.

Sempena dengan semangat Musabaqah dan bulan Ramadhan yang mulia dan malam yang bertuah ini, marilah kita umat Islam sekalian, menguatkan tekad dan azam kita, untuk menentang habis-habisan ancaman dari penganas kominis, anasir-anasir anti-nasional, gulungan-gulungan yang memisahkan dunia dan akhirat, dan gulungan yang memainkan semangat perkauman yang semuanya merupakan cabaran yang kita hadapi bersama.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk bertindak terus bagi menghapuskan semua rintangan dan halangan yang menyekat perjalanan kita menuju ke matlamat suci kita ini. Kita akan menggunakan segala tenaga dan keupayaan kita bagi menghapuskan ancaman kominis serta ancaman yang lain supaya pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan ini yang berlandaskan kepada dasar ekonomi baru tidak akan tergendala.

Saya penuh yakin dengan izin Allah, dengan semangat Musabaqah, dengan semangat Iqra' yang kita hidupkan dalam bulan Ramadhan yang Mubarak ini dan dengan berkat kesedaran umat Islam seluruhnya, masa depan negara kita ini akan menjadi lebih terjamin. Insyallah setelah kita berjaya mewujudkan masyarakat yang progresif dan dinamis mengikut pandangan dan ajaran Islam kita akan terus memeliharanya dengan segala kekuatan dan keutuhan kita.

Dengan semangat inilah saya dengan nama Allah yang amat pengasih dan penyayang, meresmikan Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan ini.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,  
11hb September, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 6.00 petang)

HAV/lbh

